



## **KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT**

### **Buku Siri Hello Jadoo (Sahabat Sains): Rahsia Keseimbangan Objek**

Selepas Buku Siri Hello Jadoo (Sahabat Sains): Musim Sejuk, Buku Siri Hello Jadoo (Sahabat Sains): Keajaiban Pantai Lumpur, dan Buku Siri Hello Jadoo (Sahabat Sains): Fenomena Alam, kali ini, PTS Media Group menghasilkan satu lagi karya terjemahan bahasa Korea, iaitu Buku Siri Hello Jadoo (Sahabat Sains): Rahsia Keseimbangan Objek. Buku ini adalah edukomik yang membincangkan pelbagai konsep dan teori sains. Penyampaian buku ini dipersembahkan dalam bentuk komik berwarna yang membantu menarik minat para pembaca, khususnya murid-murid sekolah. Ia sesuai untuk bacaan murid-murid sekolah di Malaysia kerana terdapat dalam silibus pelajaran.

Buku ini yang mempunyai 3 bab utama, iaitu *Berbasikal ke Sekolah*, *Rahsia Pusat Graviti*, dan *Kejadian di Tandas*. Dalam buku ini, Jadoo dan rakan-rakannya turut berkenalan dengan sekumpulan kanak-kanak lain. Mereka menerangkan pusat graviti menerusi tarian kepada Jadoo dan rakan-rakannya.

Apa yang menariknya buku siri ini adalah konsep dan teori sains yang diterangkan mudah difahami kerana ia diaplikasikan dalam aktiviti harian. Contohnya, konsep pusat graviti diterangkan menerusi penyeimbangan pensel dan pembaris yang diletakkan di atas jari. Aktiviti-aktiviti ini sering kali dilakukan, namun mungkin ada yang tidak menyedari bahawa terdapat konsep sains yang diaplikasikan. Selain itu, cara penyampaian yang digunakan begitu santai, lucu, dan menghiburkan pembaca. Buku ini juga disemak oleh Guru Cemerlang Sains.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my) ;